

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah produk yang ditawarkan oleh Co-opbank Pertama (CBP)?	• Pembiayaan Auto-i • (Kenderaan Nasional sahaja)
2	Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan oleh Pembiayaan Auto-i ?	• Pembiayaan Auto-i (Awam / Swasta) • Pembiayaan Khas Auto-i (senior) • Pembiayaan Auto-i recond belum daftar (unregistered recond)
3	Apakah konsep Syariah yang diguna pakai Pembiayaan Auto-i ?	• Prinsip Syariah yang diguna pakai ialah Kontrak Murabahah (Pesanan Belian Murabahah). • Murabahah ialah kontrak belian dan jualan sesebuah aset yang mana margin kos dan keuntungan adalah didedahkan.
4	Berapakah kadar keuntungan ?	• Kadar keuntungan seperti ditentukan oleh CBP tertakluk kepada sebarang perubahan pasaran dari semasa ke semasa • 3.15 % (Kenderaan Nasional sahaja)
5	Berapakah jumlah pendapatan minimum Pembiayaan Auto-i ?	• RM 1,500.00
6	Berapakah had margin Pembiayaan Auto-i ?	• Sehingga 100%
7	Berapakah had margin Pembiayaan Auto- i (Senior)?	• Sehingga 90%
8	Berapakah jumlah pembiayaan minimum Pembiayaan Auto-i ?	• RM 20,000.00
9	Berapakah had tempoh pembiayaan produk Pembiayaan Auto-i ?	• Minimum 4 tahun atau sehingga 9 tahun & Tidak melebihi umur persaraan
10	Berapakah had tempoh pembiayaan produk Pembiayaan Auto-i (Senior)?	• Minimum 4 tahun atau sehingga 9 tahun & Tidak melebihi usia 65 tahun
11	Apakah jenis kenderaan yang boleh dibiayai ?	• Kenderaan Nasional Baru Sahaja (Semasa) • Kenderaan Bukan Nasional Baru • Kenderaan Unregistered Recond • *Kenderaan Terpakai tidak dibenarkan
12	Apakah syarat kelayakan Sektor Pekerjaan bagi Pembiayaan Auto-i ?	• Awam • Swasta • Pesara (Berpencen) • *Peniaga / Commision earner tidak dibenarkan
13	Dokumen asas pelanggan WAJIB untuk Pembiayaan Auto-i (Swasta)?	• MyKad/My tentera , • Penyata Gaji , • Penyata Bank • KWSP

14	Apakah kaedah pembayaran balik pembiayaan Auto-i bagi sektor awam/swasta?	• BPA/PGM, • Arahan Tetap Bank, • Cek Tertunda, • Perbank Digital • Tunai
15	Adakah Pembiayaan Auto-i memerlukan penjamin ?	• Tertakluk kepada keupayaan kredit pelanggan dan keputusan pihak CBP.
16	Perlukah Pembiayaan Auto-i mengambil perlindungan takaful kenderaan?	• Ya. Perlindungan Takaful diperlukan. Walaubagaimanapun, pelanggan diberikan kebebasan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful daripada mana-mana syarikat Takaful bagi kenderaan tersebut.
17	Bagaimana jika pelanggan membayar sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang?	• Pihak CBP akan memberikan rebat wajib kepada Pelanggan berdasarkan prinsip Syariah Ibra' bagi: i. Sebarang penebusan awal / penyelesaian awal. ii. Perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang. (perbezaan antara Kadar Keuntungan Siling (KKS) dan Kadar Keuntungan Efektif (KKE)) iii. Penyelesaian kontrak pembiayaan asal disebabkan oleh penyusunan semula pembiayaan. iv. Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes kegagalan pembayaran. v. Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.